

TEKS PENGGULUNGAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N21 SUNGAI ACHEH
EXCO PERDAGANGAN, PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN LUAR
BANDAR

Assalamualaikum dan selamat sejahtera,

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, barisan EXCO dan Ahli Dewan yang dihormati sekalian.

Saya ingin menjawab persoalan Yang Berhormat Sungai Dua melibatkan peluang kerjaya dan keusahawanan bagi belia. Untuk makluman Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Sungai Dua. Kerajaan Negeri telah mengambil langkah yang proaktif bagi membantu usahawan muda dan juga peniaga kecil di Pulau Pinang dengan mewujudkan pelbagai kaedah seperti menyenaraikan bilangan usahawan start-up yang berdaftar dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang mengikut daerah. Terdapat lima daerah dan bilangan usahawan yang telah disenaraikan.

Bil	Daerah	Bilangan Usahawan
1.	BARAT DAYA	758
2.	TIMUR LAUT	406
3.	SEBERANG PERAI UTARA	360
4.	SEBERANG PERAI TENGAH	498
5.	SEBERANG PERAI SELATAN	348
	Jumlah	2368

Antara usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membantu usahawan berjaya dalam bidang yang diceburi adalah seperti:

1. Menyediakan kemudahan pinjaman melalui Projek Titian Saksama Rakyat atau singkatannya (PTSR) Negeri Pulau Pinang. Iaitu satu skim penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan usahawan. Sejak tahun 2019 hingga Oktober 2016, sejumlah RM10.49 juta telah diagihkan kepada 2,368 usahawan.

2. Mewujudkan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) untuk memberi dorongan kepada usahawan tani muda. PDC dilantik sebagai pemberi, pengutip dan pentadbir pinjaman tersebut. Sejak tahun 2015 hingga Oktober 2016 seramai 49 usahawan tani telah menikmati kemudahan ini.

3. Melaksanakan program-program keusahawanan seperti penganjuran bengkel, seminar dan kursus pemudayaan dan motivasi bagi memperkasakan ilmu keusahawanan dalam bidang perniagaan supaya menjadi usahawan yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan.

Jumlah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk pembangunan usahawan sejak 2013 hingga sekarang adalah sebanyak 8 juta dalam bentuk pinjaman mikro kredit Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang dan sebanyak RM500.00 untuk skim mikro kredit Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM).

Sumber maklumat yang saya sampaikan ini telah dijawab sendiri oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang. Saya berharap perkara-perkara ini dapat menjawab persoalan atau cadangan Yang Berhormat Sungai Dua.

Sekian, terima kasih.

Khairul Naja Binti Ellmi

N21 Sungai Aceh

Sidang Muda 2024